

UniSZA juara Kejohanan Sepak Takraw Terbuka UMP



KHAMIS, 13 April 2017 BIL 376 BH V16

Kuantan: Pasukan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) A muncul juara bagi kategori institusi pengajian tinggi (IPT), Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2017, yang berlangsung selama tiga hari bertempat di Kompleks Sukan UMP

Kampus Gambang, di sini, baru-baru ini.

Kemenangan itu membolehkan pasukan UniSZA membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, piala iringan dan pingat.

Naib juara menjadi milik pasukan UMP A manakala tempat ketiga dan keempat diraih Universiti Malaysia

Pemenang bergambar pada Kejohanan Sepak Takraw Terbuka UMP 2017.

Terengganu (UMT) dan Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS).

Juara kategori

Pasukan GASTEP dari Terengganu yang diwakili oleh bekas tekong kebangsaan pula dinobatkan sebagai juara kategori terbuka apabila

berjaya menewaskan Majlis Perbandaran Sepang (MPS) 2-0 manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing diraih Royalista dari Pahang dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dari Selangor.

GASTEP membawa pulang wang tunai RM2,000, piala iringan

dan pingat.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Ketua Sektor Pusat Sukan UMP Pekan, Nur Adam Maximillian. Yang turut hadir, Ketua Pemasaran RED ONE, Ismail Mohd Sa'at dan Pengarah Program, Ahmad Azlan Abd Mubin.

sukan

info

→ Kejohanan berlangsung selama tiga hari
→ Dianjurkan oleh Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP